




Mari kibarkan Jalur Gemilang



Sekali lagi kita berada di bulan Ogos yang cukup penting dan bermakna kepada seluruh rakyat Malaysia.

Setiap individu yang bergelar warganegara sepatutnya menghayati dan menjiwai peristiwa penting yang berlaku pada 31 Ogos 1957 iaitu genap 62 tahun yang lalu. Dalam sedar tak sedar usia kemerdekaan negara kita sudahpun 62 tahun. Harus diingat tidak mungkin kita berada pada kedudukan sekarang andai peristiwa dan detik bersejarah itu tidak berlaku. Malah mungkin kita masih dijajah dan diperintah oleh kuasa luar sehingga ke hari ini.

Sejarah lebih 400 tahun kita dijajah dengan rakus dan kejam oleh kuasa luar secara bergilir-gilir seperti British dan Jepun wajar menginsafkan kita. Kemerdekaan adalah suatu nikmat dan rahmat yang tidak mungkin ada galang gantinya. Justeru kita perlu banyak bersyukur dengan kejayaan nenek moyang kita yang telah mengorbankan segala-galanya untuk membebaskan bumi bertuah ini daripada penjajah. Bukan sedikit jumlah nyawa terkorban dan untuk itu marilah kita mengucapkan terima kasih kepada perajurit dan pahlawan negara yang berjuang hingga ke titisan darah terakhir sehingga gugur di medan pertempuran dalam mempertahankan ibu pertiwi ini.

Generasi pada hari ini terutama generasi pasca merdeka tidak melalui detik hitam dijajah oleh kuasa luar. Kita lahir ketika negara sudah merdeka, jadi kebanyakan daripada kita hanya mampu membaca dalam buku sejarah tentang sejarah penjajahan dan kemerdekaan negara ini. Ada segelintir pula mendapat peluang mendengar sendiri daripada mulut ibu bapa mahupun datuk dan nenek yang melalui detik tersebut. Apapun kita masih tidak mampu merasai pahit maung zaman penjajahan tersebut. Justeru timbul persoalan sejauh mana generasi sekarang menghargai pengorbanan orang dulu, menghargai kebebasan dan kemerdekaan yang sedang dinikmati serta mampu ترجمahkan semangat sayangkan negara.

Ada pelbagai cara kita menterjemahkan dan menzahirkan rasa cinta dan sayang seterusnya menyuburkan semangat patriotik terhadap negara ini. Apa yang pasti kita mungkin tidak perlu sampai mengangkat senjata kerana bersyukur kita masih bebas merdeka, namun itu bukan alasan untuk kita terlalu leka dan selesa. Ini kerana jangan lupa merdeka sekali belum tentu kita kekal bebas dan merdeka selama-lamanya. Justeru kemerdekaan yang ada ini perlu terus dijaga, dipelihara dan dipertahankan. Dan bagi penulis, antara cara untuk terus mencetuskan semangat cinta dan sayangkan negara ialah dengan mengibarkan Jalur Gemilang dengan penuh bang-

ga dan bersemangat.

Kalau ikutkan hati, penulis mahu semua bangunan seperti rumah, kedai, pejabat dan premis yang ada mengibarkan bendera keramat ini sepanjang masa dan bukannya pada bulan Ogos dan September semata-mata. Hal ini kerana kita menikmati kemerdekaan sepanjang masa dan bukannya dua bulan tersebut sahaja. Tetapi sedihnya rakyat kita bukan saja dilihat tidak sanggup mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang masa malah ramai juga yang masih liat untuk mengibarkannya pada bulan Ogos dan September. Buktinya kita sudahpun berada di bulan Ogos tetapi sedihnya masih banyak premis dan jabatan yang tidak mengibarkan Jalur Gemilang seolah-olah tiada apa yang istimewa berlaku pada bulan ini. Malah bilangan kenderaan yang me-

masang bendera juga dilihat tidak begitu memberangsangkan. Jadi boleh dikatakan walaupun tema hari kebangsaan cukup signifikan iaitu 'Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih' namun melihat keadaan ini mana mungkin kita dapat lahirkan masyarakat yang benar-benar menyayangi negara andai masih gagal untuk bersatu hati mengibarkan Jalur Gemilang dengan bangganya.

Kita boleh bersetuju dengan pandangan yang mengatakan tidak mengibarkan bendera tidak bermaksud seseorang itu tidak patriotik mahupun tidak sayangkan negara tetapi pertama apa lagi cara paling mudah untuk menzahirkan rasa cinta tersebut dan kedua sudah semestinya apalah susah sangat untuk mengeluarkan sedikit perbelanjaan membeli dan mengibarkannya. Ringkasnya janganlah

terus memberikan pelbagai alasan untuk tidak mengibarkan Jalur Gemilang.

Pokok pangkalnya semuanya berbalik kepada sikap dan tingkah laku kita sendiri. Kalau ada cara lebih baik untuk menzahirkan rasa sayang kepada negara, teruskanlah tetapi jika tidak ada idea apa-apa, sekurang-kurangnya kibarkanlah Jalur Gemilang. Baik rumah, kedai mahupun premis kerajaan semuanya boleh melakukannya dengan mudah tanpa perbelanjaan besar. Inisiatif ini sepatutnya tidak perlu diajar, disuruh mahupun dipaksa kerana semangat cintakan negara itu perlu berputik secara sendiri dan sukarela dalam sanubari setiap seorang daripada kita.

Dalam konteks ini ada kalanya kita sakit mata melihat situasi di beberapa premis, terutamanya premis kerajaan yang kebiasaannya memasang bendera baik Jalur Gemilang mahupun bendera negeri masing-masing di mana keadaan bendera tersebut dilihat terlalu uzur, usang, sudah lusuh, koyak dan berlubang. Pemandangan ini di lihat masih berlaku di seluruh negara. Kita puji organisasi ini kerana memasang bendera tetapi tolonglah pastikan ia dijaga dengan baik dan tukar dengan baru bila sampai masanya. Kadangkala situasi seperti ini berlaku di organisasi cukup penting seperti

sekolah, di mana penulis sendiri pernah menegur sebuah sekolah satu ketika dahulu yang membiarkan Jalur Gemilang lusuh dan koyak terus terpasang. Bukankah ini meninggalkan kesan mendalam kepada anak kita yang belajar di sekolah tersebut. Jadi kita harap ketua jabatan memantau perkara ini agar ia tidak mengaibkan imej jabatan tersebut.

Ingatlah, inilah satu-satunya negara yang kita ada, kita dilahirkan disini, kita membesar, berkeluarga dan mencari-rezeki di sini malah kemungkinan besar kita menghembuskan nafas terakhir juga di bumi bertuah ini. Jadi hargailah negara ini, jaga dan peliharalah kebebasan dan kemerdekaan yang telah diwariskan kepada kita yang sebenarnya kita pinjam daripada anak cucu kita. Jangan kerana kecuaian kita pada hari ini bakal menyebabkan generasi akan datang hanya membaca dalam buku sejarah bahawa negara kita pernah merdeka suatu ketika dahulu. Jadi gunakanlah peluang yang ada ini untuk menzahirkan semangat cinta dan sayangkan negara dengan mengibarkan Jalur Gemilang. Buatlah tanpa disuruh mahupun dipaksa. Ayuh kibarkan Jalur Gemilang.

Penulis Penolong Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan UPM

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

